

Perbezaan dan Hubungan antara Tahap Pengetahuan, Kemahiran
dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam
Menerapkan Pembelajaran Digital Berdasarkan
Faktor Jantina dan Pengalaman Mengajar

*(Differences and Relationships between Levels of Knowledge, Skills and Attitudes of
Primary School Malay Language Teachers in Applying Digital Learning
Based Gender Factors and Teaching Experience)*

¹NOR FARAHIN ABDUL MANAF, ²NUR ATHIRAH HAMIZAH YAHYA,
³NUR SABRINA AIMA MOHD ROSSI & ⁴LOO SHU JING

¹Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Hulu Langat, Selangor, Malaysia.

²Sekolah Kebangsaan Bukit Rokan Barat (F), Gemencheh, Negeri Sembilan, Malaysia.

³Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Ming, Puchong, Selangor, Malaysia.

⁴Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bandar Springhill, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.

p130169@siswa.ukm.edu.my, p130754@siswa.ukm.edu.my, p130374@siswa.ukm.edu.my,
& p130166@siswa.ukm.edu.my

Dihantar: 24 April 2024 / Diterima: 1 Ogos 2024

Koresponden e-mel: p130169@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK: Pembelajaran digital merupakan sebarang jenis pembelajaran yang disertakan dengan teknologi atau amalan pengajaran yang menggunakan teknologi secara berkesan. Pembelajaran dan pendidikan masa kini telah dipengaruhi oleh pembelajaran digital yang berteraskan kepada transformasi pendidikan dalam mengejar arus pendidikan yang semakin berkembang pesat. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti melihat perbezaan dan hubungan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina dan pengalaman mengajar. Kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Seramai 112 guru Bahasa Melayu Zon Semenyih, Hulu Langat yang dipilih secara rawak bertujuan dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis secara analisis inferensi menggunakan ujian-t dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap antara guru lelaki dengan guru perempuan Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital ketika PdP di bilik darjah. Ujian kolerasi Pearson juga mendapati bahawa tidak ada hubungan signifikan terhadap tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah menjalankan pembelajaran digital berdasarkan pengalaman mengajar. Implikasi kajian menunjukkan bahawa faktor jantina dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu tidak dipengaruhi oleh faktor pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam menerapkan pembelajaran digital ketika mengajar.

Kata kunci: Tahap Pengetahuan, Tahap Kemahiran, Sikap, Faktor Jantina, Faktor Pengalaman Mengajar, Guru Bahasa Melayu

ABSTRACT: Digital learning is any type of learning that is accompanied by technology or teaching practices that use technology effectively. Today's learning and education has been influenced by digital learning which is based on the transformation of education in pursuit of the current of education which is growing rapidly. Therefore, this study was carried out to identify and see the differences and relationships between the level of knowledge, skills and attitudes of Malay language teachers applying digital learning in teaching and learning (PdP) based on gender factors and teaching experience. A survey method using a questionnaire is used as a research instrument. A total of 112 Malay language teachers in the Semenyih Zone, Hulu Langat who were randomly selected for the purpose of being selected as study respondents. The research data was analyzed by inferential analysis using t-test and

Pearson's correlation. The findings of the study show that there is no difference in the level of knowledge, skills and attitudes between male and female Malay language teachers in applying digital learning during PdP in the classroom. The Pearson correlation test also found that there is no significant relationship between the level of knowledge, skill level and attitude of primary school Malay language teachers to conduct digital learning based on teaching experience. The implications of the study show that the factors of gender and teaching experience of Malay language teachers are not influenced by the knowledge, skills and attitudes of teachers in applying digital learning when teaching.

Keywords: Knowledge Level, Skill Level, Attitude, Gender Factor, Teaching Experience Factors, Malay Language Teacher

PENGENALAN

Keadaan pembelajaran dan pendidikan pada masa kini telah dipengaruhi oleh pembelajaran digital yang berteraskan kepada transformasi pendidikan dalam mengejar arus pendidikan yang semakin berkembang pesat. Perkembangan teknologi menjadikan pembelajaran digital sebagai salah satu tunjang utama pembangunan alaf dinamik terhadap masa depan sistem pendidikan Malaysia. Perkara ini bertepatan dengan anjakan ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), yang mana menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (KPM 2013). Hal ini menunjukkan perubahan besar telah dialami dalam sistem pendidikan melalui perkembangan teknologi digital. Pembelajaran digital yang menggunakan teknologi seperti Internet, komputer, telefon bimbit dan pelbagai bentuk peranti merupakan bahagian penting dalam proses pendidikan di seluruh dunia, termasuk dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu.

Pembelajaran digital ini juga dilihat mampu memperkasakan proses PdP di sekolah-sekolah. Pengintegrasian yang ditawarkan melalui pembelajaran digital menjadikan murid-murid memperoleh akses kandungan ilmu pengetahuan secara meluas, menarik dan interaktif dalam setiap mata pelajaran. Jika dahulu, kajian yang dikeluarkan oleh pihak UNESCO (2012), mendapati bahawa penggunaan teknologi maklumat hanyalah terbatas kepada penggunaan aplikasi pemprosesan perkataan seperti *Microsoft Word* dan *Microsoft PowerPoint* walhal digital mempunyai potensi besar untuk memacu proses pembelajaran ilmu dan kemahiran baharu yang lebih luas. Namun demikian, selepas wabak COVID-19 melanda seluruh dunia, penggunaan digital khususnya dalam proses PdP semakin dipertingkatkan dan potensi anjakan ketujuh

semakin dizahirkan dengan lebih jelas. Perkara ini turut dinyatakan dalam Idawarna et al. (2022) rentetan penutupan semua institusi pendidikan dari peringkat rendah ke peringkat tinggi telah memberi impak positif dalam kalangan guru dan murid terhadap pembelajaran digital. Secara tidak langsung, pandemik yang melanda menjadikan dunia teknologi berkembang dalam sistem pendidikan dan menekankan elemen integrasi teknologi dalam pembelajaran (Idawarna et al. 2022).

Menelusuri pembelajaran digital, era teknologi kini menyumbang kepada transformasi sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini bertujuan untuk memastikan semua institusi ilmu di negara Malaysia mampu mencapai pendidikan di tahap global (Muhamad Nazrul et al. 2021). Menurut KPM (2023), pembelajaran digital ialah sebarang jenis pembelajaran yang disertakan dengan teknologi atau amalan pengajaran yang menggunakan teknologi secara berkesan. Pembelajaran digital ini juga adalah amalan pengajaran yang akhirnya membantu pelajar kerana menggunakan pelbagai strategi pendidikan yang dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi (Norrizzathy & Mohd Affendi 2022). Generasi muda yang juga dikenali sebagai generasi alfa merupakan generasi yang paling akrab dengan alat elektronik dan Internet (Urmadin 2017). Kewujudan elemen digital ini menekankan perubahan terhadap keseluruhan idea PdP, maka sewajarnya warga pendidik maju ke hadapan untuk melakukan perubahan dengan menerapkan pembelajaran digital dalam pendidikan secara meluas sekaligus bagi memperbaharui kaedah pengajaran konvensional. Oleh hal yang demikian, untuk memastikan perubahan dilakukan, setiap guru mestilah mempunyai kesediaan yang tinggi untuk menerapkan pembelajaran digital dalam proses PdP yang dikendalikan.

PENYATAAN MASALAH

Pembelajaran digital merupakan satu kaedah pendekatan yang mengaplikasikan pembangunan teknologi digital dalam pelaksanaan PdP (Maimun Aqsha Lubis et al. 2021). Dalam era teknologi moden ini, golongan pendidik bukan

sahaja perlu menumpukan terhadap penguasaan kandungan silibus pengajaran, malahan turut dituntut untuk menguasai dan mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi moden. Pengetahuan yang dimiliki dalam bidang

pembelajaran digital ini dapat diselarikan dengan ilmu pedagogi bagi menghasilkan sebuah pengajaran dan pembelajaran yang kondusif menuju kepada pendidikan abad ke-21 (You Eng & Choo Keong 2019). Namun demikian, pengajaran secara tradisional masih kerap diamalkan oleh para pendidik yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pengintegrasian digital yang terarah kepada pembelajaran abad ke-21 khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada guru-guru bahasa. Hasil kajian oleh Norlela dan Shamsudin (2022), mendapati guru masih menggunakan kaedah tradisional yang berpusatkan guru seperti '*chalk and talk*' dalam menyampaikan silibus Bahasa Melayu ketika PdP berlangsung.

Tidak dapat dinafikan, bahawa guru-guru merupakan kunci kepada kejayaan penerapan teknologi (Papadakis 2018). Sekiranya guru-guru dapat menerapkan pembelajaran secara digital dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pedagogi yang relevan, sudah pasti isu-isu popular yang berkaitan dalam kemahiran bahasa dapat diatasi. Namun hal yang demikian, kebanyakan guru Bahasa Melayu masih tidak mampu mewujudkan pengajaran yang menggunakan teknologi disebabkan tahap pengetahuan terhadap aspek pendigitalan yang baharu terutamanya secara dalam talian masih berada pada tahap yang sederhana. Perkara ini turut dinyatakan oleh Noormarizan dan Ariff (2024) bahawa tahap pengetahuan teknologi maklumat dan digital guru Bahasa Melayu adalah tidak positif iaitu lemah. Hal ini demikian kerana, kebanyakan guru tidak berpengetahuan tentang sistem baharu dalam talian sebaliknya hanya sekadar mahir dengan perisian lama seperti *Microsoft Word* dan *Microsoft PowerPoint*.

Menurut Ismail (2015), dua cabaran terbesar di dalam pembelajaran digital ialah kemahiran teknikal dan perubahan sikap guru dalam mendepani arus perubahan dunia pendidikan.

Perkara ini juga turut disokong dalam hasil kajian Mastura dan Santaria (2020), iaitu terdapat segelintir guru yang kurang mahir dalam penggunaan teknologi. Daripada sudut guru kurang berkemahiran ini akan memberikan cabaran kepada mereka terutamanya dalam perkara mengendalikan urusan teknikal, ketidakpastian dalam penyediaan bahan ajaran digital, dan kekurangan dalam penggunaan elemen kreatif dalam pengajaran bahasa (Geoffrey et al. 2024).

Sikap seorang guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital dalam proses PdP yang dijalankan di sekolah juga menjadi salah satu cabaran untuk memastikan Dasar Pendidikan Digital ini terlaksana. Sarvinthanraj dan Zamri (2024), turut melaporkan dalam kajian yang dilakukan bahawa sikap guru untuk menerapkan aplikasi teknologi dalam pengajaran KOMSAS adalah tidak memberangsangkan. Menurut Sameri (2018), kurang motivasi dalam mengendalikan aplikasi digital dalam pengajaran adalah disebabkan kurang kemahiran dan juga kekangan masa. Sebenarnya pelbagai masalah timbul dalam usaha untuk seorang guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital ketika PdP berlangsung. Hal ini kerana unsur pendigitalan ini merupakan norma baharu malahan dalam dunia teknologi pelbagai sistem dan aplikasi baharu mula wujud. Bukan semua guru mempunyai pengetahuan mengenai teknologi maklumat, terutamanya guru-guru yang berpengalaman (Abdul Halim 2020).

Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk melihat perbezaan dan hubungan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina dan pengalaman mengajar. Perkara ini adalah sebagai satu usaha dalam meningkatkan penggunaan digital selaras dengan dasar baharu yang dikeluarkan oleh pihak KPM, iaitu Dasar Pendidikan Digital.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.
2. Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP dengan faktor pengalaman mengajar.

SOALAN KAJIAN

Berikut merupakan persoalan-persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini, iaitu:

1. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.
2. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina?

4. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP dengan faktor pengalaman mengajar?
5. Adakah terdapat hubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP dengan faktor pengalaman mengajar?
6. Adakah terdapat hubungan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP dengan faktor pengalaman mengajar?

HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, terdapat beberapa hipotesis kajian yang dibentuk, iaitu:

- H₀1: Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.
- H₀2: Tidak terdapat perbezaan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.
- H₀3: Tidak terdapat perbezaan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.

- H₀4: Tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP dengan faktor pengalaman mengajar.
- H₀5: Tidak terdapat hubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP dengan faktor pengalaman mengajar.
- H₀6: Tidak terdapat hubungan antara sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP dengan faktor pengalaman mengajar.

PEMBELAJARAN DIGITAL

Pembelajaran digital merangkumi pembelajaran tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan dengan teknologi digital serta PdP yang menggunakan teknologi digital secara bersepadu, kreatif dan inovatif bagi melahirkan generasi yang berkemahiran dalam teknologi (KPM 2023). Kecanggihan dan kemodenan penggunaan digital pada masa kini mendorong guru untuk mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah. Menurut Hairol Anuar et al. (2014) perubahan ini selari dengan perkembangan pendidikan daripada kaedah lama, iaitu tradisional kepada kaedah baharu yang berteraskan teknologi digital.

Penggunaan peranti seperti telefon bimbit, tablet, komputer riba serta kewujudan aplikasi dan platform pembelajaran baharu seperti Sistem DELIMa, *Quizizz*, *Kahoot*, *Canva* menjadi antara peralatan dan laman penting dalam memastikan PdP digital ini dapat dilaksanakan. Oleh itu, guru-guru pada hari ini perlu berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai sikap yang positif dalam mengaplikasikan peranti dan platform digital terbaharu dalam dunia pendidikan agar pengintegrasian teknologi dapat dilaksanakan dalam PdP. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP di sekolah.

Malaysia mengorak langkah ke hadapan bagi menentukan hala tuju baharu dalam sistem pendidikan negara yang dapat melahirkan lebih banyak generasi yang fasih digital. Perkara ini merupakan satu usaha dalam menyediakan modal insan yang berdaya saing di masa hadapan. Selaras dengan hasrat dan komitmen yang digalas,

pihak KPM (2023) memperkenalkan pendidikan digital melalui Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang berfokuskan kepada peningkatan kompetensi murid dan pendidik pembangunan profesional dan pengintegrasian teknologi digital serta jalinan dan jaringan rakan strategik.

Pendidikan digital merangkumi pembelajaran tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan dengan teknologi digital serta PdP yang menggunakan teknologi digital secara bersepadu, kreatif dan inovatif bagi melahirkan generasi yang berkemahiran dalam teknologi (KPM 2023). Bagi memastikan pelaksanaan pendidikan dan pembelajaran digital diintegrasikan dalam proses PdP, pihak KPM telah merangka satu dasar yang dikenali sebagai DPD. Dasar ini berperanan untuk menjadi pernyataan komitmen bagi memacu perubahan pendidikan agar dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai murid, pendidik, pemimpin pendidikan dan kandungan yang berkualiti dari peringkat prasekolah hingga lepasan menengah.

Selain itu, dasar ini digubal agar sejajar dengan pelbagai agenda nasional termasuklah konsep Membangun Negara MADANI, Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, Jalinan Digital Negara (JENDELA), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dan Dasar Sains Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030. Kesenambungan daripada kesemua dasar ini menjadikan Dasar Pendidikan Digital sebagai salah satu usaha yang berstruktur dan terancang bagi mendepani cabaran 5IR.

Dalam usaha melahirkan generasi yang celik kepada digital, pihak KPM juga telah

menyenaraikan beberapa cabaran yang memerlukan perubahan terhadap pelaksanaan DPD ini. Antaranya adalah keperluan menyediakan guru yang berkemahiran digital untuk melaksanakan PdP yang cekap dan berkesan seterusnya membudayakan kreativiti dan inovasi secara menyeluruh. Namun hal yang demikian, KPM secara tangkasnya telah merangka langkah berkesan bagi memastikan cabaran tersebut dapat diatasi sekaligus menderap langkah ke arah pendidikan digital. Bagi melengkapi pendidik dengan pengetahuan digital Program Pementapan Pendidikan Digital PPP telah mula dilaksanakan melalui empat fasa seperti:

1. Saringan dan pengesanan kelompok penguasaan digital PPP;
2. Pembangunan kompetensi tenaga pengajar;
3. Pelaksanaan latihan digital mengikut tahap;
4. Pembangunan jauhari (pakar) yang boleh memimpin inovasi digital guru lain.

Strategi yang dirancang dalam DPD ini adalah penting untuk memastikan para pendidik mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang meluas dalam penggunaan digital bagi memastikan PdP berteraskan teknologi dilaksanakan. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, guru boleh menerapkan pembelajaran digital melalui penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar (BBM). Misalnya penggunaan video pembelajaran dijadikan BBM ketika set induksi ketika mengajar aspek seni bahasa berkaitan sajak atau syair. Video seperti ini dapat memberikan gambaran yang cukup jelas kepada murid-murid sekolah rendah terutamanya golongan bukan penutur jati bahasa Melayu tentang bagaimana untuk mereka bersajak dan bersyair dengan betul. Pelaksanaan latihan Bahasa Melayu secara digital melalui platform *Quiziz*, *Kahoot* dan *Wordwall* juga dapat membantu murid menguasai mata pelajaran tersebut di samping dapat meningkatkan kemahiran asas digital seperti mana yang dihasratkan oleh pihak KPM.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk dan Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Chua (2013), menyatakan penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data berangka dan ketepatan. Menurut Cresswell (2014), pula data yang dipungut dalam penyelidikan kuantitatif ini dianalisis dengan ujian statistik dan masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis. Oleh hal yang demikian, kajian tinjauan menjadi reka

bentuk yang sesuai untuk menjalankan kajian ini agar pengkaji dapat menganalisis dan menilai tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah menerapkan pembelajaran digital dalam proses PdP. Dalam kajian ini juga pengkaji akan menerangkan dapatan kajian yang diperoleh secara statistik deskriptif.

Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi kajian terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mengajar di zon Semenyih, daerah Hulu Langat. Mengikut data yang diterima daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Zon Semenyih memiliki 120 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di 17 buah sekolah rendah, iaitu 11 sekolah kebangsaan, 3 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). 120 orang guru

Bahasa Melayu ini telah dijadikan sebagai populasi dalam sampel kajian yang dipilih menerusi persampelan bertujuan. Namun demikian, hanya 112 orang guru Bahasa Melayu sahaja yang menjawab soal selidik yang telah disebarluaskan. Oleh itu, jumlah sebenar responden kajian ini ialah 112 orang guru Bahasa Melayu dari sekolah rendah yang terdapat dalam Zon Semenyih tersebut.

Lokasi Kajian

Guru-guru Bahasa Melayu di daerah ini telah diberi pendedahan berkaitan bagaimana untuk menerapkan pembelajaran digital dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sekolah-sekolah di zon Semenyih ini juga merupakan kawasan yang dilengkapi dengan infrastruktur internet yang berkualiti serta dibekalkan dengan peranti digital

yang penting dalam pelaksanaan pembelajaran digital seperti komputer riba dan projektor. Oleh hal yang demikian, guru bahasa Melayu zon Semenyih dirasakan sesuai untuk dijadikan sebagai sampel kajian untuk menjawab persoalan kajian dan bilangan guru Bahasa Melayu di setiap sekolah ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Bilangan guru Bahasa Melayu bagi 17 buah sekolah

Sekolah Rendah	Bilangan Guru Bahasa Melayu	
	Jumlah Guru	Jumlah Guru Menjawab Soal Selidik
1. Sekolah Kebangsaan Bandar Rinching	10	10
2. Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih	12	9
3. Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Kesuma	8	8
4. Sekolah Kebangsaan Bandar Teknologi	10	10
5. Sekolah Kebangsaan Beranang	11	10
6. Sekolah Kebangsaan Kampung Kuala Pajam	5	5
7. Sekolah Kebangsaan Kampung Rincing	6	6
8. Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir	6	6
9. Sekolah Kebangsaan Semenyih	9	8
10. Sekolah Kebangsaan Taman Jasmin	7	7
11. Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih	6	6
12. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Baru Semenyih	5	4
13. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Ming	6	5
14. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ton Fah	4	4
15. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Semenyih	5	5
16. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Dominion	4	4
17. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Rinching	6	5
Jumlah Responden	120	112

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik digunakan. Menurut Ghazali dan Sufean (2018), soal selidik adalah satu daripada alat pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan. Instrumen soal selidik terdiri daripada beberapa siri soalan yang boleh digunakan untuk mengumpul data berkaitan kajian secara langsung daripada peserta kajian. Soalan atau item yang dibina dalam soal selidik ini adalah berpandukan dua kajian iaitu Meenachi dan Norazrena (2022) serta Julianah et al. (2023) dan diubah suai mengikut kesesuaian objektif kajian tinjauan ini bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan dapat menjawab persoalan kajian dengan lebih baik.

Soal selidik dalam kajian ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat demografi responden seperti jantina, umur, tempoh pengalaman mengajar, tahap pendidikan tertinggi dan opsyen. Bahagian B pula mengandungi 10 item berkaitan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap

pembelajaran digital. Seterusnya, Bahagian C juga memuatkan 10 item yang menumpukan kepada tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melakukan pembelajaran digital dalam PdP. Akhir sekali, Bahagian D yang memfokuskan tentang 10 item sikap guru menerapkan pembelajaran digital dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Item soal selidik menggunakan lima skala Likert. Guru-guru atau responden perlu menjawab soal selidik berdasarkan skala likert lima mata. Pilihan jawapan, iaitu 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak Pasti 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Soal selidik ditadbir menggunakan *Google Form* iaitu aplikasi secara dalam talian kepada guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah Zon Semenyih. Setelah kesemua soalan soal selidik dijawab oleh responden dan dikumpulkan, data yang diperoleh daripada soal selidik tersebut akan diproses menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* Versi 29.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 29.0. Analisis inferensi dalam kajian ini digunakan bagi menjawab soalan kajian dan hipotesis kajian yang dibina. Analisis dijalankan untuk menghuraikan hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah kajian dan mengaitkannya dengan ciri-ciri sampel kepada populasi kajian. Konteks kajian ini mengutarakan pemboleh ubah tidak bersandar

iaitu jantina dan pengalaman guru Bahasa Melayu. Pemboleh ubah bersandar pula terdiri daripada konstruk pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan pembelajaran digital. Merujuk kajian ini, analisis parametrik yang digunakan ialah analisis ujian-t tidak bersandar, dan analisis pekali korelasi Pearson.

Ujian-t tidak bersandar adalah ujian statistik inferensi yang digunakan ketika ingin

membandingkan skor min bagi dua kumpulan atau subjek yang berbeza (Pallant 2007). Menurut Pallant, ia digunakan untuk menentukan sama ada perlu menolak atau menerima hipotesis nol. Penerimaan atau penolakan hipotesis nol adalah berpanduan kepada nilai Sig. (2-tailed) yang diperoleh. Jika nilainya sama atau kurang daripada 0.05 maka terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min pada pemboleh ubah bersandar daripada kedua-dua kumpulan atau dengan kata lain hipotesis nol ditolak, manakala jika nilainya di atas 0.05 maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan atau ia menunjukkan hipotesis nol gagal ditolak (Foster 1998). Berdasarkan kajian ini, ia digunakan untuk menentukan sama ada tidak atau terdapat perbezaan pengetahuan, amalan, sikap serta kesediaan guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran digital berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar ketika proses PdP di bilik darjah.

Analisis korelasi digunakan untuk mengukur kekuatan hubungan linear antara dua pemboleh ubah yang dikaji. Ghazali dan Sufean (2018) menjelaskan penggunaan pekali korelasi digunakan untuk mengukur kuat atau lemahnya perkaitan antara dua pemboleh ubah. Model korelasi Pearson digunakan bagi data-data daripada skala interval yang berdistribusi secara normal melalui *Pearson product-moment correlation* yang disimbolkan oleh nilai 'r' mempunyai nilai -1 hingga +1. Analisis korelasi Pearson ini digunakan bagi menjawab hipotesis nol, iaitu untuk melihat hubungan atau perkaitan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran digital dengan jantina dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu. Interpretasi kekuatan nilai korelasi antara dua pemboleh ubah adalah berdasarkan kepada Mohd Majid (2000) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Nilai pekali korelasi mengikut tahap hubungan

Nilai pekali	Tahap Hubungan
0.00 - 0.20	Sangat lemah
0.21 - 0.40	Lemah
0.41 - 0.70	Sederhana
0.71 - 0.90	Kuat
0.91 - 1.00	Sangat kuat

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden Kajian

Kajian ini melibatkan 112 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah di Zon Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor. Bahagian ini menjelaskan maklumat mengenai demografi peserta kajian secara deskriptif iaitu jantina, umur, opsyen guru dan tempoh pengalaman mengajar. Profil peserta kajian dipaparkan secara terperinci melalui Jadual 3. Berdasarkan jantina, jumlah responden yang terdiri daripada 21 orang (18.75%) guru lelaki dan 91 orang (81.25%) guru perempuan. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti guru bahasa Melayu di Zon Semenyih adalah guru perempuan. Responden yang berumur 41-50 tahun merupakan responden yang paling ramai, iaitu sebanyak 51 orang (45.54%), diikuti dengan responden berumur 51-60 tahun sebanyak 39 orang (34.82%), 31-40 tahun sebanyak 14 orang (12.50%) dan yang terakhir 30 tahun ke bawah sebanyak 8 orang (7.14%).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat ramai guru senior bahasa Melayu

di Zon Semenyih. Sebanyak 33 orang (29.46%) guru yang menjadi responden merupakan guru yang mempunyai opsyen Bahasa Melayu. Sementara itu, seramai 79 orang (70.54%) guru Bahasa Melayu di Zon Semenyih yang menjadi responden bukan terdiri dari guru opsyen. Hal ini menunjukkan bahawa ramai guru di Zon Semenyih merupakan guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Guru yang memiliki tempoh pengalaman mengajar 5 tahun ke bawah adalah sebanyak 9 orang (8.04%), manakala guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun hanya seorang (0.89%). Guru yang mempunyai 11-20 tahun tempoh mengajar pula adalah sebanyak 44 orang (39.29%), 21-30 tahun sebanyak 40 orang (35.71%) dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 31 tahun ke atas adalah sebanyak 18 orang (16.07%). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian ini terdiri dari guru yang mempunyai tempoh pengalaman mengajar 11-20 tahun.

JADUAL 3: Kekerapan dan peratusan demografi kajian

Demografi		Kekerapan	Peratusan
Jantina			
•	Lelaki	21	18.75
•	Perempuan	91	81.25
Umur			
•	30 tahun ke bawah	8	7.14
•	31 – 40 tahun	14	12.50
•	41 – 50 tahun	51	45.54
•	51 – 60 tahun	39	34.82
Opsyen			
•	Guru opsyen bahasa Melayu	33	29.46
•	Guru bukan opsyen bahasa Melayu	79	70.54
Tempoh Pengalaman Mengajar			
•	5 – 10 tahun	9	8.90
•	11 – 20 tahun	44	39.30
•	21 – 30 tahun	40	35.70
•	31 tahun ke atas	18	16.10

**Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah
Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran
Berdasarkan Faktor Jantina**

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.

Bagi menjawab soalan ini, ujian-t telah digunakan bagi mendapatkan analisis perbandingan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan jantina.

JADUAL 4: Perbezaan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina

Pengetahuan dan Jantina	N (112)	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig. (2 hala)
Lelaki	21	4.03	.426	.986	.326
Perempuan	91	3.94	.359		

Berdasarkan Jadual 4, didapati nilai-t bagi perbandingan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP bagi guru lelaki dan guru perempuan ialah $t = 0.986$ dan tahap signifikan $p = 0.326$. Tahap signifikan ini menunjukkan bahawa nilai lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Oleh itu, **hipotesis H₀₁ gagal ditolak**. Hal ini bermakna, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki dan perempuan. Guru lelaki dan guru perempuan sama-sama menerapkan pembelajaran digital ketika mengajar Bahasa Melayu.

Walaupun bagaimanapun dari segi min, skor min tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu

menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki (min = 4.03) adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan (min = 3.94). Hal ini bermakna tahap pengetahuan guru lelaki Bahasa Melayu sekolah rendah dalam menerapkan pembelajaran digital adalah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan guru perempuan. Perbezaan min ini besar kemungkinan disebabkan jumlah responden guru lelaki jauh lebih sedikit jika dibandingkan jumlah responden guru perempuan. Dengan kata lain, dari segi pengetahuan tentang pembelajaran digital, guru lelaki lebih berpengetahuan berbanding guru perempuan dalam menerapkan pembelajaran digital ketika proses PdP Bahasa Melayu di bilik darjah.

**Perbezaan Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah
Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran
Berdasarkan Faktor Jantina**

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan

pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.

Bagi menjawab soalan ini, ujian-t telah digunakan bagi mendapatkan analisis perbandingan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.

JADUAL 5: Perbezaan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina

Kemahiran dan Jantina	N (112)	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig. (2 hala)
Lelaki	21	3.94	.588	2.382	.019
Perempuan	91	3.62	.547		

Berdasarkan Jadual 5, didapati nilai-t bagi perbandingan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah rendah menerapkan pembelajaran digital dalam PdP bagi guru lelaki dan guru perempuan ialah $t = 2.382$ dan tahap signifikan $p = 0.019$. Tahap signifikan ini menunjukkan bahawa nilai lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Oleh itu, **hipotesis H₀₂ ditolak**. Hal ini bermakna, terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital antara guru lelaki dan guru perempuan.

Dari segi min, skor min tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah rendah menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki (min = 3.94) adalah lebih besar dari guru perempuan (min = 3.62). Hal ini bermakna tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan. Guru lelaki Bahasa Melayu lebih berkemahiran dalam menerapkan pembelajaran digital ketika proses PdP berbanding guru perempuan mengajar Bahasa Melayu.

Perbezaan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Faktor Jantina

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan antara tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.

Bagi menjawab soalan ini, ujian-t telah digunakan bagi mendapatkan analisis perbandingan sikap guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina.

JADUAL 6: Perbezaan tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan faktor jantina

Sikap dan Jantina	N (112)	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig. (2 hala)
Lelaki	21	4.06	.561	2.844	.005
Perempuan	91	3.74	.437		

Berdasarkan Jadual 6, didapati nilai-t bagi perbandingan tahap sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah menerapkan pembelajaran digital dalam PdP bagi guru lelaki dan guru perempuan ialah $t = 2.844$ dan tahap signifikan $p = 0.005$. Tahap signifikan ini menunjukkan nilai lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Oleh itu, **hipotesis H₀₃ ditolak**. Hal ini bermakna, terdapat perbezaan yang signifikan tahap sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki dan guru perempuan. Guru lelaki lebih bersikap positif terhadap pelaksanaan pembelajaran digital jika dibandingkan dengan guru perempuan.

Dari segi min, skor min tahap sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki (min = 4.06)

adalah lebih besar dari guru perempuan (min = 3.74). Hal ini bermakna tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki adalah lebih tinggi dari guru perempuan. Guru lelaki lebih bersikap positif dalam melaksanakan pembelajaran digital dalam proses PdP berbanding guru perempuan ketika mengajar Bahasa Melayu.

**Hubungan Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah
Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran
Berdasarkan Pengalaman Mengajar**

H₀₄: Tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar.

Bagi menjawab soalan ini, ujian korelasi Pearson telah digunakan bagi mendapatkan analisis

perhubungan antara tempoh pengalaman mengajar dengan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP.

JADUAL 7: Hubungan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar

		Pengalaman Mengajar	Tahap Pengetahuan
Pengalaman Mengajar	Kolerasi Pearson	1	-.246**
	Sig. (2 tailed)	-	.009
	N	112	112
Tahap Pengetahuan	Kolerasi Pearson	-.246**	1
	Sig. (2 tailed)	.009	-
	N	112	112

Analisis korelasi Pearson menunjukkan $r(110) = -.246, p = 0.009 (p < 0.05)$. Maka **hipotesis H₀₄ ditolak**. Hal ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu sekolah rendah menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar. Nilai $p = 0.009$ menunjukkan nilai signifikan secara statistik dan boleh dianggap hubungan negatif yang kecil ini ditemui hanya secara kebetulan. Sementara itu,

nilai pekali $r = -0.246$ menunjukkan hubungan korelasi yang sangat lemah. Terdapatnya nilai negatif menunjukkan, semakin lama pengalaman mengajar, semakin menurun tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital. Rumusannya, guru yang lebih lama mengajar mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam menerapkan pembelajaran digital berbanding guru baharu.

**Hubungan Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Menerapkan
Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran
Berdasarkan Pengalaman Mengajar**

H₀₅: Tidak terdapat hubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar.

Bagi menjawab soalan ini, ujian korelasi Pearson telah digunakan bagi mendapatkan analisis perhubungan antara tempoh pengalaman mengajar dengan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP.

JADUAL 8: Hubungan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar

		Pengalaman Mengajar	Tahap Kemahiran
Pengalaman Mengajar	Kolerasi Pearson	1	-.542**
	Sig. (2 tailed)	-	<.001
	N	112	112
Tahap Kemahiran	Kolerasi Pearson	-.542**	1
	Sig. (2 tailed)	<.001	-
	N	112	112

Analisis korelasi Pearson menunjukkan $r(110) = -.542, p = <0.001 (p < 0.05)$. Maka **hipotesis H₀₅ ditolak**. Hal ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran

digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar. Nilai $p < 0.001$ menunjukkan nilai yang sangat signifikan yang bermaksud kemungkinan besar korelasi yang terjadi bukan secara kebetulan. Sementara itu, nilai pekali $r = -0.542$

menunjukkan hubungan korelasi yang sederhana. Terdapatnya nilai negatif menunjukkan terdapat hubungan songsang atau negatif antara pengalaman mengajar dengan tahap kemahiran guru. Semakin lama pengalaman mengajar, semakin menurun tahap kemahiran guru Bahasa

Melayu menerapkan pembelajaran digital. Rumusannya, guru yang lebih lama mengajar, mempunyai tahap kemahiran yang rendah dalam menerapkan pembelajaran digital berbanding guru baharu.

Hubungan Sikap Guru Bahasa Melayu Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

H₀₆: Tidak terdapat hubungan antara sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar.

perhubungan antara tempoh pengalaman mengajar dengan sikap guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP.

Bagi menjawab soalan ini, ujian korelasi Pearson telah digunakan bagi mendapatkan analisis

JADUAL 9: Hubungan sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar

		Pengalaman Mengajar	Sikap Guru
Pengalaman Mengajar	Kolerasi Pearson	1	-.437**
	Sig. (2 tailed)	-	<.001
	N	112	112
Sikap Guru	Kolerasi Pearson	-.447**	1
	Sig. (2 tailed)	<.001	-
	N	112	112

Analisis korelasi Pearson menunjukkan $r(110) = -0.437$, $p = 0.001$ ($p < 0.05$). Maka, **hipotesis H₀₆ ditolak**. Hal ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar. Nilai $p < 0.001$ menunjukkan nilai yang sangat signifikan yang bermaksud kemungkinan besar korelasi yang terjadi bukan secara kebetulan. Sementara itu, nilai pekali $r = -0.437$ menunjukkan hubungan

korelasi yang sederhana. Terdapatnya nilai negatif menunjukkan terdapat hubungan negatif antara pengalaman mengajar dengan tahap sikap guru. Semakin lama pengalaman mengajar, semakin menurun tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital. Rumusannya, guru yang lebih lama mengajar, mempunyai sikap yang negatif dalam menerapkan pembelajaran digital berbanding guru baharu di mana guru lama kurang menerapkan pembelajaran digital dalam PdP.

PERBINCANGAN

Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina dan Pengalaman Mengajar

Bahagian ini menunjukkan sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Bilangan responden adalah sebanyak 21 orang guru lelaki dan 91 orang guru perempuan. Dengan nilai signifikan $p = 0.326$ menunjukkan nilai lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). nilai signifikan yang lebih besar menunjukkan hipotesis null gagal ditolak. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki dan perempuan. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Yagneswary et al. (2024) yang menyatakan tiada perbezaan yang dapat

dilihat berdasarkan kepada jantina dalam pengetahuan guru mengenai teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian bertentangan dengan kajian Juliana et al. (2021) di mana kajian menunjukkan terdapat perbezaan dari segi tahap pengetahuan antara guru pelatih lelaki dan perempuan.

Dari segi pengalaman mengajar, analisis korelasi Pearson menunjukkan $r(110) = -.246$, $p = 0.009$ ($p < 0.05$). Nilai p yang lebih kecil menunjukkan hipotesis null ditolak. Hal ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil analisis

ini menunjukkan tempoh pengalaman mengajar mempengaruhi tahap pengetahuan guru dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Terdapatnya nilai negatif menunjukkan, semakin lama pengalaman mengajar, semakin menurun tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital. Hasil analisis ini bertentangan dengan kajian Noor Syazwani dan Zamri (2024) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara tempoh pengalaman mengajar dengan pengetahuan teknologi maklumat guru Kesusasteraan Bahasa Melayu. Kajian menunjukkan bahawa tempoh pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap

pengetahuan guru yang terlibat dalam kajian tersebut. Ia juga selari dengan kajian Intan Marfarinna dan Simah (2021) di mana terdapat korelasi yang sangat lemah dan negatif antara penggunaan persekitaran pembelajaran maya dalam pengajaran dan dengan pengalaman mengajar.

Rumusannya, guru Bahasa Melayu yang lebih lama mengajar (senior) mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam menerapkan pembelajaran digital berbanding guru baharu. Guru senior kurang menerapkan pembelajaran digital dalam PdP.

Kemahiran Guru Bahasa Melayu Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina dan Pengalaman Mengajar

Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan tahap kemahiran antara guru lelaki dan guru perempuan dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Dengan nilai signifikan $p = 0.019$ menunjukkan nilai lebih kecil daripada 0.05 ($p > 0.05$). nilai signifikan yang lebih besar menunjukkan hipotesis null ditolak. Jadi, terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki dan perempuan. Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki adalah lebih tinggi dari guru perempuan. Hasil kajian yang diperolehi adalah bertentangan dengan kajian You Eng dan Choon Keong (2019) di mana kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan jantina penggunaan dan pengaplikasian teknologi maklumat dalam PdP.

Dari segi analisis korelasi Pearson menunjukkan $r(110) = -.542, p < 0.001$ ($p < 0.05$). Nilai p yang lebih kecil menunjukkan hipotesis null ditolak. Hal ini bermakna terdapat hubungan

yang signifikan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil analisis ini menunjukkan tempoh pengalaman mengajar mempengaruhi tahap kemahiran guru dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Terdapatnya nilai negatif menunjukkan terdapat hubungan negatif antara pengalaman mengajar dengan tahap kemahiran guru. Semakin lama pengalaman mengajar, semakin menurun tahap kemahiran guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Noor Syazwani dan Zamri (2024) yang menjelaskan bahawa tempoh pengalaman mengajar guru tidak memberi kesan kepada aplikasi pembelajaran digital.

Rumusannya, guru Bahasa Melayu yang lebih lama mengajar, mempunyai tahap kemahiran yang rendah dalam menerapkan pembelajaran digital berbanding guru baharu di mana guru lama kurang menerapkan pembelajaran digital dalam PdP.

Sikap Guru Bahasa Melayu Menerapkan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina dan Pengalaman Mengajar

Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan tahap sikap antara guru lelaki dan guru perempuan dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Dengan nilai signifikan $p = 0.005$ menunjukkan nilai lebih kecil daripada 0.05 ($p > 0.05$). Nilai signifikan yang lebih kecil menunjukkan hipotesis null ditolak. Jadi, terdapat perbezaan yang signifikan tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital bagi guru lelaki dan perempuan. Sikap guru lelaki lebih positif daripada guru perempuan dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Meenachi dan Norazrena (2022) yang menunjukkan tahap pengaplikasian media digital dalam PdP adalah berada di tahap yang tinggi.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Emily Angelina et al. (2021) yang menunjukkan tahap kesediaan guru sederhana. Responden cenderung memilih menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional berbanding menggunakan multimedia.

Dari segi analisis korelasi Pearson menunjukkan $r(110) = -.437, p < 0.001$ ($p < 0.05$). Nilai p yang lebih kecil menunjukkan hipotesis null ditolak. Hal ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil analisis ini menunjukkan tempoh pengalaman mengajar mempengaruhi tahap pengetahuan guru dalam menerapkan pembelajaran digital dalam

PdP. Terdapatnya nilai negatif menunjukkan terdapat hubungan negatif antara pengalaman mengajar dengan tahap sikap guru. Semakin lama pengalaman mengajar, semakin menurun tahap sikap guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran digital. Dapatan kajian disokong oleh Sarvinthanraj dan Zamri (2024) yang menyatakan bahawa kekerapan guru menggunakan komputer dalam PdP tidak bergantung pada pengalaman mengajar mereka. Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian Emily

Angelina et al. (2021) yang mendapati terdapat perbezaan terhadap penggunaan aplikasi digital pada guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang 10 tahun lebih banyak menggunakan aplikasi tersebut

Rumusannya, guru Bahasa Melayu yang lebih lama mengajar, mempunyai sikap yang negatif dalam menerapkan pembelajaran digital berbanding guru baharu di mana guru lama kurang menerapkan pembelajaran digital dalam PdP.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini dapat memberikan implikasi positif kepada pihak yang berkaitan. KPM boleh memperoleh data mengenai tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Kurikulum Bahasa Melayu perlu dipertimbangkan sekiranya didapati data yang diperoleh tidak mencapai standard yang dikehendaki oleh KPM. Kekangan kemudahan peralatan digital seperti komputer riba, projektor dan skrin harus dihapuskan segera andainya pembelajaran digital hendak dikuatkuasakan seiring dengan zaman berteknologi canggih ini. Kajian ini juga memberikan inspirasi kepada Pejabat Pendidikan Daerah dalam usaha merangka pelbagai program atau bengkel yang berkaitan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pembelajaran digital. Malah, program

peningkatan pengetahuan dan kemahiran murid perlu dilakukan oleh Pejabat Pendidikan Daerah supaya dapat membantu melancarkan pembelajaran digital dalam proses PdP.

Dengan hasil dapatan ini, pihak sekolah perlu membantu para guru dalam melaksanakan pembelajaran digital dengan menggalakkan perbincangan dan *Professional Learning Community* (PLC) dalam kalangan guru di sekolah. Pelaksanaan PLC dapat membantu guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru bersama rakan sekerja di sekolah. Guru sendiri juga perlu sentiasa berusaha memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam pembelajaran digital. Terdapat banyak kursus dan webinar yang dijalankan berkenaan pembelajaran digital. Sikap positif guru dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran haruslah dipupuk

KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini telah menjawab semua persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu di Zon Semenuh dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP berada di tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap kesediaan dan pelaksanaan yang tinggi dalam pembelajaran digital. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan tempoh pengalaman mengajar dengan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam menerapkan

pembelajaran digital dalam PdP. Hal ini bermakna tempoh pengalaman mengajar mempengaruhi tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam menerapkan pembelajaran digital dalam PdP. Guru yang telah lama mengajar seharusnya sentiasa komited dalam melaksanakan pengajaran mengikut dasar yang diingini KPM. Guru seharusnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran supaya dapat menyampaikan pengajaran bermakna kepada murid.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Abdullah. 2020. COVID-19 buka mata warga pendidik dan pelajar. *Berita Harian*, 28 Mac. Diakses pada 21 Mei 2024, daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/670374/COVID-19-buka-mata-wargapendidik-pelajar>
- Chua Yan Piaw. 2013. *Mastering Research Statistics*. Petaling Jaya: McGraw Hill Education.
- Creswell, J.W. 2014. *A Concise Introduction to Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Emily Angelina Charles Terry, Nurfaradilla Mohamad Nasri & Ahmad Zamri Mansor. 2021. Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa Iban sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap penggunaan multimedia

- dalam pengajaran bahasa Iban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1): 683-695.
- Foster, J.J. 1998. *Data Analysis Using SPSS for Windows: A Beginner's Guide*. London: SAGE Publications.
- Geoffrey F.C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil & Marlissa Omar. 2024. Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan: Cabaran guru. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistic*, 8(1): 49-67.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan. Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hairol Anuar, Hazura Mohamed, Hairulliza, Siti Fadzila & Zawiyah. 2012. Jurang digital pendidikan di luar bandar: Tahap literasi teknologi maklumat dan komunikasi pelajar. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 1: 1-13.
- Idawarna Hasin, Rashidah Othman, Noor Syahida Abdullah, Kartini Mohd Yusoff & Mohd Roslan Ab Rahman. 2022. Isu dan cabaran pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara pasca COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. 15(2),23-32.
- Intan Marfarinna Omar & Simah Mamat. 2021. Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan KOMSAS guru bahasa Melayu di Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1): 47-60.
- Ismail, M.N. 2015. *Nilai Cipta-Sama Sistem Pengurusan Pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julianah Elman, Abdullah Yusof, Anida Sarudin & Mohd Sufian Ismail. 2023. Penggunaan bahan bantu mengajar digital dalam pembelajaran secara maya semasa pandemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(6): 12-24.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. *Dasar Pendidikan Digital*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib, Usiono, Ikhwan Lubis & Aisyah Sjahrony. 2021. Integrasi ilmu dan inovasi pendekatan digital dalam pendidikan Islam mendepani era Revolusi Industri 4.0 di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal on Islam and Civilization*, 5(1), 27-41.
- Mastura, M. & Santaria, R. 2020. Dampak pandemik COVID-19 terhadap proses pengajaran bagi guru dan siswa. *Jurnal Studi Guru dan Pembelajaran*, 3(2): 289-295.
- Meenachi Dorasamy & Norazrena Abu Samah. 2022. Tahap pengaplikasian media digital dalam kalangan guru bahasa Tamil sekolah rendah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 6(1): 10-15.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Nazrul, Muhammad Helmi Norman & Noorhayati Mohd Noor. 2021. Keberkesanan penggunaan realiti maya dalam kurikulum pendidikan Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1): 729-737.
- Noor Syazwani Roni & Zamri Mahamod. 2024. Pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran guru kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1): 51-61.
- Noormarizan Mohamed Nawi & Ariff Mohamad. 2024. Hubungan penguasaan teknologi dalam pengajaran bahasa Melayu secara dalam talian terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(4): 1-17.
- Norizzathy Agir & Mohd Affendi. 2022. Literasi dan kewarganegaraan digital: Konsep dan strategi implementasi dalam pendidikan di Malaysia. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(1) 1-9.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. 2020. Penggunaan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 6(2): 1-11.
- Pallant, J. 2007. *SPSS survival manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using the SPSS for Windows (version 10 and 11)*. 3rd Edition. Maidenhead: Open University Press.
- Papadakis, S. 2018. The use of computer games in classroom environment. *International Journal of Teaching and Case Studies*, 9(1): 1-25.
- Sameri, M.K.N. 2018. Pengintegrasian pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam melalui *Learning Management System (LMS) Cidos*: Suatu kajian tinjauan di Politeknik Mersing Johor Bahru Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(2): 75-93.
- Sarvinthanraj Subramaniam & Zamri Mahamod. 2024. Kompetensi guru bahasa Melayu di sekolah swasta dalam menggunakan teknologi digital dalam pengajaran KOMSAS. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1): 433-445.
- UNESCO. 2015. *Gender and education for all 2000–2015: Achievements and challenges*. Paris.
- Urmadin, Y. 2017. *Menjadi Orang Tua dari Generasi Alpha*. Diakses pada 15 Mei 2024, daripada http://www.familyguideindonesia.com/asset/widget/file/FG_44_Calameo.pdf.
- Yagneswary, Mohd Mahzan Awang & Norasmah Othman. 2024. Pengetahuan, kemahiran dan

sikap guru sejarah dalam menggunakan aplikasi-aplikasi pembelajaran digital terkini. *Malaysia Journal of Social Science and Humanities*, 9(4).

- You Eng, C. & Choon Keong, T. 2019. Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan di Malaysia: Satu kajian meta analisis. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan*, 6(8).